

15/02/2003

BPR siasat dua Adun Melaka

Hasnira Hassan; Idzham Hadi Sidik

MELAKA: Badan Pencegah Rasuah menyiasat dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) di negeri ini kerana disyaki menyalahgunakan kedudukan mereka sebagai wakil rakyat untuk kepentingan diri.

Seorang daripada Adun terbabit disiasat kerana menyalahgunakan kedudukannya untuk mendapatkan projek pembangunan luar bandar yang diberikan kerajaan dalam kawasannya.

Sumber memberitahu Berita Harian, kerajaan memperuntukkan RM1 juta untuk setiap kawasan Dewan Undangan negeri (DUN) bagi melaksanakan projek pembangunan jalan, perparitan dan kemudahan asas yang diperlukan dalam sesuatu kawasan.

Bagaimanapun, katanya, beberapa aduan dikemukakan kepada BPR menyatakan Adun berkenaan melaksanakan sendiri projek berkenaan tanpa mengagihkan kepada pihak lain.

"Berikutan rungutan kontraktor yang gagal mendapatkan projek pembangunan itu, BPR menjalankan siasatan dan merampas beberapa dokumen daripada pejabat Adun itu, bulan lalu.

"Siasatan terhadap Adun itu masih dijalankan dan BPR kini menunggu masa untuk mengambil tindakan lanjut," katanya.

Projek pembangunan luar bandar diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tahun lalu dalam usaha menjana ekonomi negara dengan mengadakan projek pembangunan dalam setiap DUN seluruh negara.

Sementara itu, seorang lagi Adun dikatakan disiasat BPR berikutan tindakannya menjual kayu getah dari beberapa ladang dalam satu kawasan Parlimen.

Tanah ladang itu dipercayai dibersihkan untuk projek pembinaan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia tetapi Adun berkenaan dikatakan menjual kayu getah dalam kawasan yang dibersihkan itu untuk kepentingan dirinya.